

Sife UMS melangkah setapak perkenal kaedah SRI

UB 20/6/2011 B3

Oleh SITI AISYAH NARUDIN
aisyahub@gmail.com

SELEPAS memperkenalkan kaedah penanaman secara Intensifikasi Beras Sistematis (SRI) di tiga buah kawasan, kini pasukan 'Students In Free Enterprise' (Sife) Universiti Malaysia Sabah (UMS) melangkah setapak lagi ke Kampung (Kg) Kiau, Ranau bagi melaksanakan khidmat mereka.

Ahli Jawatankuasa (AJK) Sife UMS, Derrick Panggapan berkata, program berkenaan dijalankan melalui teknologi 'vermicomposting' dengan kerjasama Waynetech Holding Sdn. Bhd.

Menurutnya, sebelum ini Sife membuat program SRI di Kg Rampaian Laut Inanam, Kg Kipouvo Penampang dan Pulau Mantanani.

"Kaedah terbaru yang diperkenalkan kepada penduduk kampung ini lebih progresif dalam



TABURBAJA...Sebahagian AJK Sife yang terlibat dengan program itu membantu penduduk kampung menabur baja.

menghasilkan tanaman padi yang bukan sahaja berkualiti tetapi lebih berkhasiat," katanya kepada *Utusan Borneo* baru-baru ini.

Jelasnya, selain memperkenalkan kaedah penanaman SRI, pasukan

Sife UMS juga membantu penduduk kampung dengan mendapatkan tajaan baja organik dari Waynetech Holding Sdn. Bhd.

Beliau berkata, ia adalah sebahagian daripada peringkat pertama

dalam mengubah kaedah penanaman padi yang bergantung kepada penggunaan baja kimia kepada penggunaan baja organik secara SRI.

"Ia juga bukan sekadar menyedarkan penduduk kampung tentang khasiat



BANTU...Kanak-kanak turut menunjukkan minat yang mana dibantu oleh salah seorang peserta Sife.

dan kepentingan beras organik tetapi lebih kepada meningkatkan lagi kualiti, kuantiti dan produktiviti beras yang diusahakan oleh penduduk kampung," katanya.

Selain itu tambahnya, kaedah berkenaan dapat mengurangkan penggunaan air dan meningkatkan pengeluaran padi.

Derrick berkata, ia dapat dibuktikan melalui penggunaan biji benih yang mana melalui kaedah SRI hanya satu benih sahaja diperlukan untuk setiap tanaman.

"Berbanding kaedah yang sedia ada, ia memerlukan sekurang-kurangnya enam hingga lapan biji benih bagi setiap tanaman untuk menghasilkan padi yang berkualiti," katanya.

Beliau berharap, selepas ini lebih banyak lagi kawasan yang dapat mereka perkenalkan tentang kaedah SRI khususnya bagi kawasan yang menjalankan aktiviti penanaman padi secara komersial.